

**TPM pelawa sertai dialog pendidikan
Utusan Online
27 April, 2012**

GEORGETOWN 26 April - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu pihak yang berkepentingan di semua peringkat untuk menyertai siri dialog pendidikan nasional yang akan diadakan hujung bulan ini sehingga Julai nanti.

Katanya, siri dialog adalah bagi mengumpul maklum balas dan pandangan pelbagai pihak dalam menyokong usaha kerajaan bagi menambah baik sistem pendidikan negara.

Muhyiddin berkata, siri dialog itu akan diadakan di setiap negeri yang melibatkan Pengerusi Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK), Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin dan pakar-pakar pendidikan.

"Dari proses perbincangan, kita harap dapat kumpul segala pandangan yang mengambil kira semua kumpulan, kepentingan dan kaum. Harap dapat kita rumuskan apa yang disebutkan sebagai pelan tindakan dan hala tuju untuk 20 tahun yang akan datang supaya sistem pendidikan kita menjadi antara sistem pendidikan yang terbaik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi dialog dalam Majlis Perhimpunan Perdana Anggota Perkhidmatan Awam dan Belia sempena lawatan sehari ke Pulau Pinang di sini, hari ini.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran menyokong usaha kerjasama dan sokongan Kementerian Pertahanan dan agensi lain dalam membantu sekolah untuk melahirkan atlet.

Katanya, Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mencadangkan supaya ahli-ahli taekwando Angkatan Tentera Malaysia (ATM) membantu melatih murid sekolah dalam usaha mencapai hasrat satu murid satu sukan.

Muhyiddin berkata, jika ada agensi lain yang mempunyai kemudahan dan ingin berkongsi misalnya padang, kementeriannya akan turut menyokong dan membantu dalam meningkatkan taraf kemudahan untuk kegunaan sekolah

Sementara itu, Muhyiddin mengumumkan peruntukan berjumlah RM1.65 juta bagi membina bangunan baru dan membaik pulih dua buah sekolah di sini.

Menurutnya, peruntukan pertama berjumlah RM1.5 juta akan diberikan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) True Light di Kampung Juru bagi membina 24 kelas baru untuk menampung pertambahan murid.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0427&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_03.htm